



# Anugerah Cendekia Bitara

## hargai penyelidik dan pensyarah cemerlang

Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibrani Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat menyampaikan anugerah kepada seramai 33 penerima di kalangan warga akademik dalam Majlis Anugerah Cendekia Bitara '12 yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan pada 19 April 2013 yang lalu.

Anugerah Cendekia Bitara merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan dan keunggulan yang dipamerkan oleh warga UMP dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi.

Dalam majlis ini, Tengku Mahkota Pahang menyeru warga UMP memastikan penerbitan dan penyelidikan yang dihasilkan itu mempunyai impak tinggi serta boleh dimanfaatkan untuk kepentingan sejagat.

"Cabaran pemerkasaan aktiviti penyelidikan dan inovasi kini tidak semata-mata bersifat eksklusif kepada golongan akademik semata-mata, tetapi perlu turut didakap oleh golongan pentadbir dan mahasiswa."

"UMP turut memerlukan para pentadbir

berkualiti yang mampu menyulam elemen penyelidikan, kreativiti dan inovasi bagi meningkatkan keupayaan governan dan sistem penyampaian perkhidmatan universiti ini secara konsisten.

"Penggembleran kebijaksanaan golongan akademik dan pentadbir, yang disertakan pula dengan keserjanaan mahasiswanya akan menzahirkan jenama UMP yang terbilang lagi bitara," titah baginda.

Baginda mengharapkan agar penyelidikan yang dihasilkan mengambil kira isu, keperluan dan permasalahan masyarakat setempat serta menyaranakan supaya para penyelidik menghasilkan produk ilmiah yang memberi nilai tambah kepada kesejahteraan masyarakat.

Kedadaan ini menggambarkan realiti hubungan positif tiga entiti yang saling berkaitan iaitu, Kerajaan, Universiti dan masyarakat. Maka pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan perlu turut mengambil kira sisi hubungan ketiga-tiga entiti ini yang bersifat komplementari antara satu sama lain.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Pelan Strategik UMP 2011-2015 juga memberi tumpuan

besar terhadap agenda memperkasa aras pencapaian universiti ini dalam lapangan penyelidikan, kreativiti dan inovasi.

Kriteria utama kecemerlangan jenama UMP antaranya adalah perolehan geran dalaman dan antarabangsa; pameran; persidangan; prapengkomersilan; penyelidikan kontrak; kerjasama industri; pendaftaran harta intelek dan penerbitan," katanya.

Menurut beliau sepanjang tahun lalu, universiti menerima geran penyelidikan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM 14.462 juta bagi 234 projek penyelidikan. Angka ini merupakan peningkatan sebanyak 87.2 peratus berbanding hanya 125 projek pada tahun 2011. Begitu juga dengan nilai pembiayaan telah meningkat sebanyak 156.8 peratus berbanding hanya RM 5.63 juta pada tahun 2011.

Dari sudut penerbitan ilmiah pula, sehingga kini sebanyak 1,211 penerbitan ilmiah telah dihasilkan yang meliputi kertas persidangan, artikel penyelidikan dan artikel berwasit.

Katanya, UMP berbangga apabila Profesor Madya Md. Mustafizur Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berjaya